

12/09/2003

Adnan pertahan tindakan label `Darul Munafikin'

KUANTAN: Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob mempertahankan tindakannya melabel Kerajaan Kelantan dan Terengganu pimpinan Pas sebagai `Darul Munafikin' sebagai memberi ruang kepada pemimpin parti itu untuk bertaubat.

Katanya, Pas sudah banyak kali memberi pelbagai label kepada pemimpin kerajaan dan Umno, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, manakala ulamanya memutarbelitkan al-Quran dan hadis untuk kepentingan politik.

"Pertama sekali label kafir mengkafir, Dr Mahathir maha zalim, maha firaun, MB Pahang samseng, MB `brutal'(ganas), lepas itu Pahang Darul Kasino. Jadi sudah enam kali, saya baru beri satu, jadi baru 6-1," katanya selepas merasmikan Persidangan Ke-5 Akademi Pengurusan Asia (AAM) di Hotel Hyatt Regency, di sini semalam.

Kelmarin, Adnan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri menggelar kerajaan Kelantan dan Terengganu sebagai `Darul Munafikin', manakala ulama parti itu sebagai `ulama su' atau ulama jahat.

Katanya, panggilan itu ditujukan kepada kerajaan Pas di dua negeri terbabit hanya selepas mereka memberi pelbagai label dan tuduhan liar kepada Umno dan ulamanya.

Menjelaskan tindakannya mungkin akan menyebabkan Pas dan Umno akan sering tuduh menuduh, Adnan berkata, kerja label-melabel bukannya dimulakan Umno tapi Pas.

"Dia dulu yang melabel kita, sudah berbelas tahun kita kena label tapi kita tidak menjawab pun.

"Sekali kita beri label kepada mereka, itu wajarlah... itu pun saya tak sebut hisbul syaitan, hanya parti munafikin iaitu parti orang munafik," katanya.

Adnan berkata, tujuan Pas membuat tuduhan Darul Kasino dan terbaru penerbitan cakera padat video (VCD) Skandal Balak Pahang hanya berbentuk propaganda untuk meraih simpati rakyat.

Beliau berkata, Umno kini tidak boleh berdiam diri kerana Pas ibarat budak kecil yang akan naik lemak (keterlaluan) jika dibiarkan.

"Kalau tak jawab tak boleh, macam budak kecil, selagi kita biarkan, dia buat kelakuan buruk, makin hari makin naik lemak. Jadi, sesekali kita kena cakap," katanya.